



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	3/11/2019	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Gempur penceroboh hutan simpan

Masalah pencerobohan hutan simpan di Kedah ibarat tak pernah selesai. Ada sahaja isu timbul walaupun kuasa pentadbiran negeri sudah berkali-kali berpindah tangan.

Belalang percaya kerajaan negeri perlu ambil peranan serius pastikan kepentingan hutan simpan negeri terbela. Bukan sekali dua lokasi sama diceroboh, namun kenapa sehingga hari ini ia terus-menerus dibiarkan berlaku.

Jika rasuah atau penyelewengan jadi punca, maka Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu campur tangan. Jangan kerana ada pihak nak jaga kepentingan orang tertentu, hutan simpan yang jadi mangsa sehingga rakyat juga sengsara.